

PATUTKAH SAYA MENCUBA?

CERITA ASAL OLEH
HO LEE-LING

DILUKIS OLEH
DREWSCAPE



Adakah anda suka akan durian? Saya tidak suka akan durian.
Namun, ada beberapa perkara yang terjadi yang membuat
saya memikirkan perkara ini semula!

PATUTKAH SAYA MENCUBA?

BAGAIMANA BUKUINI BOLEH DIGUNAKAN

Keupayaan membuat refleksi merupakan kecenderungan pembelajaran yang menyediakan kanak-kanak untuk pembelajaran sepanjang hayat.

Kanak-kanak yang berupaya untuk membuat refleksi akan:

- berfikir semula
- mempelajari daripada perkara tersebut
- melakukan sesuatu dengan lebih baik

Watak utama dalam cerita ini menjalani proses membuat refleksi. Anda mungkin ingin membaca cerita ini beberapa kali kepada kanak-kanak. Cerita ini boleh digunakan untuk membimbing kanak-kanak melalui proses ini. Berikut ialah beberapa cadangan:

Berfikir Semula

Serlahkan frasa "Saya mula berfikir semula" bagi menunjukkan yang budak itu mula berupaya untuk membuat refleksi.

Soalan: Apakah yang difikirkan oleh budak itu?

Apakah pendapat budak itu tentang durian (rupa/bau/rasa)?

Mempelajari Daripada Perkara Tersebut

Soalan: Mengapakah budak itu tidak suka makan durian?

Mengapakah budak itu mencuba untuk makan durian?

Bincangkan bersama kanak-kanak mengenai apa yang dipelajari oleh budak itu selepas mencuba makan durian.

Contoh pengajaran yang dipelajarinya: Dia tidak sepatutnya takut untuk mencuba perkara baharu.

Melakukan Sesuatu Dengan Lebih Baik


Soalan: Mengapakah budak itu terbuka hati untuk mencuba buah-buahan yang lain pada penghujung cerita?

Imbas kembali bersama kanak-kanak mengenai proses budak itu membuat refleksi.



PATUTKAH SAYA MENCUBA?

Cerita asal oleh Ho Lee-Ling
Dilukis oleh Drewscape




Ministry of Education
SINGAPORE

Keluarga saya suka makan durian.








Ibu suka akan rupanya.
Ibu kata, "Bentuk durian menarik".



**Bapa suka akan baunya.
Bapa kata, "Bau durian menyelerakan".**



Kakak suka akan rasanya.



Kakak kata, "Rasa durian sangat sedap!"



Bapa mahu saya mencubanya.



**“Rasalah,” kata bapa.
“Durian itu raja buah-buahan!”**





Tetapi, saya tidak suka makan durian.

Saya tidak suka akan baunya.

Saya tidak suka akan rupanya.

Saya tidak mahu mencubanya.



**Malam itu, saya bermimpi tentang buah durian.
Ada yang besar, ada yang kecil.**




Ada yang bulat, ada yang bujur.





**Durian-durian itu bernyanyi,
“Rupa kami, kamu tidak suka,
bau kami, kamu tidak suka,
tetapi cuba, cubalah rasa,
kamu pasti tidak kecewa!”**

**Apabila saya sedar, saya mula berfikir.
Haruskah saya mencubanya?**







Pada hari itu, saya lihat durian di mana-mana.
Ramai orang suka akan buah durian.




Saya tidak pernah merasa durian.
Patutkah saya mencubanya?




Pada malam itu, bapa membeli buah durian
untuk makan malam.



Patutkah saya mencubanya?




**Saya masih tidak suka akan baunya.
Saya masih tidak suka akan rupanya.
Tetapi, saya mahu mencubanya.**



**Ternyata rasanya manis dan lemak.
Akhirnya, saya suka makan durian.**




**Pada keesokan hari, di gerai buah-buahan,
bapa mahu saya mencuba buah rambutan.**



**Ibu pula mahu saya mencuba buah jambu.
Kakak pula mahu saya mencuba buah nangka.**



**Rupa buah-buahan itu ganjil.
Baunya pula aneh.
Tetapi, mungkin rasanya sedap seperti buah durian!**



Ya, saya mahu mencubanya semua!

Mengenai Penulis

Lee-Ling penulis Singapura dan sejarawan. Dia tinggal bersama dua ekor kucingnya, Diva dan Princeton. Buah-buahan kegemarannya ialah rambutan, manggis dan betik.

Mengenai Pelukis

Andrew Tan (Drewscape) ialah pelukis dari Singapura. Dia gemar membaca dan melukis komik. Dia gemar buah-buahan seperti buah pic dan anggur tanpa biji (dimakan dengan keju cambozola). Dahulu, ketika masih kecil, dia amat suka memakan durian sehingga dia berhenti menggemari durian. Kini dia sedang belajar menyukai durian semula.

Acknowledgements

We would like to express our appreciation to the following parties for their contribution and assistance in making this publication possible:

- Mdm Saheda Bigum Khushal Khan, Mdm Siti Lijah Hassan, Mdm Zalina Khiran and Mdm Juminah Diron from An-Nur Mosque Kindergarten; and
- Curriculum Planning and Development Division, MOE.

**© 2014, Ministry of Education
Republic of Singapore**

Published by Marshall Cavendish Education

An imprint of Marshall Cavendish International (Singapore) Private Limited

Times Centre, 1 New Industrial Road, Singapore 536196

Customer Service Hotline: (65) 6213 9444

E-mail: tmesales@sg.marshallcavendish.com

Website: www.marshallcavendish.com/education

Marshall Cavendish is a trademark of Times Publishing Limited.

First published 2014

All rights reserved. No part of this publication may be reproduced, stored in a retrieval system, or transmitted in any form or by any means, electronic, mechanical, photocopying or otherwise, without prior permission of the copyright holder.

ISBN 978-981-01-2804-3

Printed in Singapore by Times Printers, www.timesprinters.com

Designed by ampulets